



PELBAGAI perkongsian menarik dilakukan semasa program berlangsung termasuklah mempelajari bahasa Temiar.



BOLA sepak persahabatan antara para peserta dan penduduk kampung.

# Jakma tabur bakti di kampung Orang Asli



SELAIN mempraktikkan teori dakwah, program pendidikan kesihatan turut diadakan.

**M**ELIBATKAN kira-kira 76 peserta yang terdiri daripada pelajar peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah, Program Khidmat Komuniti Masyarakat Desa anjuran Kelab Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (Jakma), Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berbangung dengan meriah.

keluarga angkat. Anak jati Kluang, Johor itu berkata, setiap peserta diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing. "Tinggal bersama keluarga angkat adalah pengalaman yang sangat berharga kerana kami dapat menyelami kehidupan masyarakat Orang Asli. "Kami juga dapat berkongsi ilmu dengan mereka khususnya tentang dakwah Islam yang menjadi antara tunjang utama program ini.

## RENTAK kampus

Bertempat di Kampung Brooke Lama, Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan, program yang berlangsung selama lima hari empat malam itu diisi dengan pelbagai pengisian menarik untuk para peserta dan penduduk kampung yang terlibat.

"Paling menyentuh hati apabila melihat kesungguhan mereka untuk belajar dan menambah ilmu tentang Islam," jelas Nurfatm Afiqah kepada Kosmo! baru-baru ini.

Menurut seorang peserta, Nurfatm Afiqah Halidi, 23, antara aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang program itu ialah penyerahan

Dalam tempoh program juga, Hari Kesihatan Penduduk turut dijalankan untuk membuat pemeriksaan kesihatan kepada penduduk kampung dan para peserta. Ia merupakan jalinan kerjasama Pejabat Kesihatan Lojing dan Pergigian Gua Musang.

Tutur gadis itu lagi, para peserta turut mengadakan aktiviti bakti siswa untuk membersihkan kawasan kampung bersama penduduk setempat mengikut kumpulan yang telah ditetapkan.

"Selain membersihkan kawasan kampung, kami turut memasang papan tanda zikir, selamat datang dan nama surau yang menceriakan persekitaran sebagai tanda penghargaan.

"Usai sahaja bergotong-royong, kami mengagihkan sumbangan berupa pakaian, makanan dan lain-lain barangan kepada penduduk kampung," kongsiya memberitahu aktiviti sukaneka, sukan rakyat dan malam kesenian turut diadakan.

## Akrab

Sementara itu, seorang lagi peserta, Muhammad Mukhtadin Suripto, 21, pula memberitahu, meskipun berhadapan kesulitan khususnya tentang pengangkutan untuk ke kampung yang berada di pedalaman itu, dia gembira kerana aktiviti yang dirangka dapat dijalankan sepenuhnya.

"Roh Islam masih perlu diterapkan kepada masyarakat di sini supaya mengamalkan nilai dan akhlak Islam. "Selain aspek dakwah, hubungan kekeluargaan yang terjalin antara anak angkat dan keluarga angkat sangat akrab.

"Perasaan sedih hadir apabila terpaksa berpisah dengan mereka setelah beberapa hari menjalinkan ukhwah," terangnya yang masih menghubungi keluarga angkatnya. Program tersebut juga menggalakkan pembentukan pelajar-pelajar dalam aktiviti berbentuk kekeluargaan dan menjalankan khidmat sosial kepada masyarakat.

Tegasnya, program itu juga sebenarnya memperlihatkan identiti sebenar Islam kepada masyarakat supaya mereka dapat menerima, menahami, mendalami dan seterusnya menghayati ajaran Islam.

Penyelaras dan penasihat program, Dr. Ahmad Irdha Mokhtar pula menyifatkan program itu sebagai medan untuk pelajar menimba pengalaman dan menyumbang kepada masyarakat khususnya masyarakat Orang Asli.



KANAK-KANAK diajar tentang cara bersolat oleh peserta program.



PERSEMBAHAN daripada para peserta pada malam kebudayaan.



DEMONSTRASI memberus gigi turut dilakukan oleh juruwat pergigian.



SEORANG peserta menunjukkan cara yang betul untuk memberus gigi.

AKSI seorang kanak-kanak yang tekun mewarna.



KANAK-KANAK Orang Asli beratur untuk mengambil makanan yang dimasak secara bergotong-royong.



PAPAN tanda bertulisan zikir turut dipasang di sekitar kampung oleh para peserta.

"Program ini juga menjadi wadah terbaik buat para pelajar yang sebelum ini hanya mempelajari teori dakwah untuk mengaplikasikan ilmu tersebut di lapangan. Mereka didedahkan dengan suasana dan cabaran sebenar untuk berdakwah. "Saya berharap ia boleh menjadi pengajaran berguna dan objektif-objektif program dicapai seperti yang telah digariskan," ulasnya.